

# 'Restu' Anwar buat Rafizi langkah diplomasi kukuh perpaduan parti

Seruan PM dilihat sebagai usaha elak pertembungan, kurangkan wujud kem tertentu

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sokongan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya Datuk Seri Rafizi Ramli diberi laluan mudah untuk mengekalkan jawatan Timbalan Presiden PKR pada pemilihan parti akan datang, dilihat sebagai langkah diplomasi untuk memperkukuh perpaduan dalam parti itu.

Penganalisis Politik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata seruan Perdana Menteri itu juga dilihat sebagai usaha untuk mengelakkan pertembungan dan mengurangkan wujudnya kem tertentu.

Beliau berkata, sokongan itu juga untuk memastikan Rafizi memberikan lebih tumpuan ke-

pada tugas sebagai Menteri Ekonomi.

"Ini satu pendekatan diplomasi yang diambil Anwar bagi memperkukuh perpaduan dalam PKR dan mengelakkan pertembungan kerana sebelum ini ada dakwaan wujudnya kem Anwar dan kem Rafizi yang pernah mewarnai pemilihan PKR.

"Sebelum ini juga, saya pernah melihat terdapat persaingan antara mereka berdua, tetapi apabila wujudnya Kerajaan Perpaduan, kita melihat keserasian itu dan sebab itu, penting untuk Anwar menjaga hubungan dan beri sokongan kepada Rafizi," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Anwar pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PKR Cabang Selangor menyatakan sokongan terhadap Rafizi dengan menyatakan harus diberi ruang untuk menjalankan tugas serta tanggungjawabnya.

"Biar Rafizi diberi laluan mudah," kata Perdana Menteri seperti mana dilaporkan portal berita FMT.

Mengulas lanjut, Mohd Izani berkata, pengukuhan perpaduan antara Anwar-Rafizi juga penting menjelang Pilihan Raya

Ke-16 (PRU16) yang bakal berlangsung kurang dua tahun lagi.

"Saya berpandangan Rafizi 'fit' untuk jawatan Nombor 2 dan mungkin faktor Rafizi lebih penting bagi mengukuhkan perpaduan dan kesatuan ahli parti dan gabungan Anwar-Rafizi semakin serasi untuk kukuhkan PKR menjelang PRU16," katanya.

## Strategi bertepatan

Pemerhati politik yang juga Pensyarah Kanan (Komunikasi Liberal) Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr A Aziz Azizam pula berkata, 'laluan mudah' yang diseru Anwar adalah strategi yang bertepatan terhadap keperluan semasa PKR.

Beliau berkata, dengan ketiadaan pertandingan, ia sekali gus akan mengurangkan persaingan dan perpecahan dalaman kerana dalam pemilihan jawatan tertinggi sebegini, biasanya ia akan membentuk kelompok kecil, yang mempunyai aspirasi berbeza dalam parti, tetapi memberi implikasi tidak baik dalam parti.

"Jika itu berlaku, ia akan melemahkan PKR kerana parti itu perlu membuktikan kestabilan

kepada masyarakat kerana pada masa ini PKR hampir kepada penggal pertengahan menjadi kerajaan.

"Maka, pilihan terbaik adalah memberi jalan atau tidak dicabar yang akan dapat mengurangkan ketegangan dalaman," katanya.

Aziz bagaimanapun berkata, laluan mudah ataupun ketiadaan pertandingan juga boleh menimbulkan beberapa persepsi negatif, antaranya kemungkinan berdepan dengan defisit calon yang berwibawa serta bersedia untuk mencabar penyandang.

"Ia secara tidak langsung mencerminkan kemerosotan dalam melahirkan barisan pelapis, sekali gus juga menimbulkan kebimbangan terhadap kelangsungan parti dalam jangka panjang.

"Pemimpin lebih tinggi perlu bersifat neutral kerana ia boleh memberi isyarat ke atas masyarakat yang mungkin mengangap ketiadaan cabaran bukan kerana sokongan tulen, sebaliknya kesan yang boleh dikenakan kepada pencabar. Harus diingat budaya autoritarian dalaman berpotensi melemahkan keyakinan awam," katanya.

"Sokongan itu juga untuk memastikan Rafizi memberikan lebih tumpuan kepada tugas sebagai Menteri Ekonomi

Mohd Izam  
Mohd Zain,  
Penganalisis  
Politik UMT



"Dengan ketiadaan pertandingan, ia sekali gus akan mengurangkan persaingan dan perpecahan dalaman



A Aziz Azizam,  
Pemerhati  
politik